


DILULUSKAN UNTUK SEBUT HARGA OLEH:



UTM
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA


AFENDI BIN OSMAN
Ketua Unit Kontrak Dan Perolehan
Seksyen Projek Dan Penyelenggaraan
Bahagian Pengurusan Aset
Jabatan Timbalan Naib Canselor (Pembangunan)
Universiti Teknologi Malaysia
81310 Johor Bahru, Johor

26/7/22

NASKAH MEJA SEBUT HARGA

SH/2022-45/U-1/SB/SPP

**MEMBEKAL KABEL, KOMPONEN DAN
AKSESORI ELEKTRIK DAN ELEKTRONIK
DI BAHAGIAN PENGURUSAN ASET, JTNC(P),
UTM, JOHOR BAHRU, JOHOR**

TARIKH TAKLIMAT DAN LAWATAN TAPAK : WAJIB : -
 TIDAK WAJIB

TARIKH JUALAN : 27 JUL 2022 HINGGA : 07 AUG 2022

TARIKH TUTUP : 08 AUG 2022

PEGAWAI BERTANGGUNGJAWAB : TS AIZAT FAHMI BIN AHMAD
(no. tel. : 07-5530316)

JURUUKUR BAHAN
BERTANGGUNGJAWAB : EN. MOHD FADZREEN BIN ZINAL
(no. tel. : 07-5530368)

PAKEJ KERJA

SENIBINA ELEKTRIKAL MEKANIKAL AWAM LANDSKAP

Kepada,

Penyebut Harga

Tuan,

SEBUT HARGA BAGI : MEMBEKAL KABEL, KOMPONEN DAN AKSESORI ELEKTRIK DAN ELEKTRONIK DI BAHAGIAN PENGURUSAN ASET, JTNC(P), UTM JOHOR BAHRU, JOHOR

Sebut harga adalah dipelawa daripada Penyebut Harga yang berdaftar dengan ~~LPIPM/CIDB, PKK~~ atau Kementerian Kewangan* dan Sistem Pendaftaran Kontraktor (UTMfin) seperti berikut:-

- i) Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK)
- ii) Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK)
Gred : -
Kategori : -
Pengkhususan : -
- iii) Sijil Taraf Bumiputera (STB) *(jika berkenaan)*
- iv) Sijil Pendaftaran Kontraktor (UTMfin)
- v) Sijil Kementerian Kewangan : **140501 (Sistem Elektronik) @ 140502 (Komponen dan Aksesori Elektrik/Elektronik) @ 140503 (Lampu Komponen dan Aksesori) @ 140599 (Pembuat)**

2. Borang Sebut Harga yang telah siap diisi hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat bermetri bertanda **SH/2022- 45 /U-1/SB/SPP** dan dimasukkan ke dalam peti tawaran yang terletak di **Unit Kontrak dan Perolehan, Seksyen Projek dan Penyenggaraan, Bahagian Pengurusan Aset, Jabatan Naib Canselor (Pembangunan) Universiti Teknologi Malaysia, Johor Bahru, Johor** sebelum atau pada **08 AUG 2022** jam 12.00 tengah hari.

3. Kenyataan Sebut Harga, Senarai Semakan Sebut Harga, Arahan Kepada Penyebut Harga, Syarat-Syarat Sebut Harga, Spesifikasi Kerja, Borang Sebut Harga, Ringkasan Sebut Harga, Jadual Kadar Harga, Maklumat Penyebut Harga dan Lukisan dikembarkan bersama-sama ini.

Naskah Sebut Harga ini dijual dengan harga sebanyak **RM30.00/naskah** *(dalam bentuk Wang Tunai/ Wang Pos/Bank Draft)*

4. Pihak UTM tidak terikat untuk menerima Sebut Harga yang terendah sekali atau mana-mana Sebut Harga lain.

Sekian, terima kasih

"Wawasan Kemakmuran Bersama 2030"

"Berkhidmat untuk Negara"

Saya yang menjalankan amanah,

AFENDI BIN OSMAN

Ketua Unit Kontrak Dan Perolehan
b.p : Pengarah, Seksyen Projek
dan Penyenggaraan

samb : 31201

**UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA
JOHOR BAHRU**

KENYATAAN SEBUT HARGA

1. Sebut Harga adalah dipelawa daripada Penyebut Harga yang berdaftar dengan LPIPM/CIDB, PKK atau Kementerian Kewangan dan Sistem Pendaftaran Kontraktor (UTMfin) seperti berikut :-

- i) Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK)
- ii) Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK)
Gred :
Kategori :
Pengkhususan :
Sijil Taraf Bumiputera (STB) *(jika berkenaan)*.
- iii) Sijil Pendaftaran Kontraktor (UTMfin)
- iv) Sijil Pendaftaran Kementerian Kewangan : **140501 (Sistem Elektronik) @ 140502 (Komponen dan Aksesori Elektrik/Elektronik) @ 140503 (Lampu Komponen dan Aksesori) @ 140599 (Pembuat)**

dan yang masih dibenarkan membuat tawaran buat masa ini bagi kerja-kerja berikut:

**MEMBEKAL KABEL, KOMPONEN DAN AKSESORI ELEKTRIK DAN ELEKTRONIK DI
BAHAGIAN PENGURUSAN ASET, JTNC(P), UTM JOHOR BAHRU, JOHOR**

NO. SEBUT HARGA : SH/2022-45/U-1/SB/SPP

2. Segala butiran dan Naskah Sebut Harga boleh didapati semasa waktu pejabat **di Unit Kontrak dan Perolehan, Seksyen Projek dan Penyenggaraan, Bahagian Pengurusan Aset, Jabatan Naib Canselor (Pembangunan) Universiti Teknologi Malaysia, Johor Bahru, Johor** dengan mengemukakan bayaran dokumentasi sebanyak **RM30.00** di atas nama **Bendahari, UTM Johor Bahru, Johor** dalam bentuk Wang Tunai/Wang Pos/Bank Draf.

3. Naskah Sebut Harga hanya akan dikeluarkan kepada Wakil-wakil Penyebut Harga yang namanya tercatat dalam Surat Pendaftaran sahaja. Bagi Wakil-wakil Penyebut harga yang namanya tidak terdapat dalam Surat Pendaftaran hendaklah membawa bersama Surat Perwakilan Kuasa yang sah dari syarikat masing-masing. Penyebut Harga/Wakil-wakil Penyebut Harga yang sah hendaklah membawa SURAT PENDAFTARAN ASAL yang dikeluarkan oleh LPIPM/CIDB, PUSAT KHIDMAT KONTRAKTOR atau Kementerian Kewangan dan UTMfin (yang mana berkaitan)

4. Naskah Sebut Harga boleh diperolehi pada **27/7/2022** hingga **7/8/2022** mulai jam 8.30 pagi hingga 4.00 petang di **Unit Kontrak dan Perolehan, Seksyen Projek dan Penyenggaraan, Bahagian Pengurusan Aset, Jabatan Naib Canselor (Pembangunan) Universiti Teknologi Malaysia, Johor Bahru, Johor**

5. Sebut harga ini akan ditutup pada **8/8/2022** Naskah Sebut Harga hendaklah dimasukkan ke dalam **Peti Sebut Harga di Unit Kontrak dan Perolehan, Seksyen Projek dan Penyenggaraan, Bahagian Pengurusan Aset, Jabatan Naib Canselor (Pembangunan) Universiti Teknologi Malaysia, Johor Bahru, Johor** tidak lewat daripada jam 12.00 tengah hari pada hari tersebut.